



JURNAL LINGUISTIK Vol. 24 (2) Nov 2020 (047-058)

Pengekalan dan Peralihan Dialek Melayu Satun: Korelasi Antara Penggunaan Bahasa dengan Faktor Umur Penutur

Hayati Lateh, Nor Hashimah Jalaluddin, Mohammad. Fadzeli Jaafar
itayah@gmail.com, shima@ukm.edu.my, Fadzeli@ukm.edu.my

*Pusat Literasi dan Transformasi Sosiobudaya,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia*

Tarikh terima : 16 Julai 2020
Received
Terima untuk diterbitkan : 20 Ogos 2020
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 30 Nov 2020
Published online

Abstrak

Pertembungan tiga bahasa yang dihadapi oleh penutur Dialek Melayu Satun (DMS) membawa kepada situasi pengekalan dan peralihan bahasa. Penggunaan bahasa yang dominan dalam domain yang biasanya dikuasai oleh bahasa natif menunjukkan bahawa peralihan bahasa sedang berlaku dalam komuniti penutur tersebut. Kajian ini akan melihat korelasi antara penggunaan DMS dengan angkuah umur dalam enam domain dengan menggunakan analisis domain (Fishman 1972) dan ujian Chi-square. Seramai 121 orang responden yang bertutur dalam DMS telah dipilih dari kampung Che Bilang, Guar Pasir dan Tammalang. Data kajian dikumpul melalui soal selidik, temubual secara tidak formal dan pemerhatian langsung. Responden dibahagikan kepada 3 kategori umur: remaja, dewasa dan warga tua. Hasil kajian jelas menunjukkan bahawa terdapat hubungan korelasi yang signifikan antara penggunaan bahasa DMS dengan faktor umur dalam domain kekeluargaan dan domain jual-beli. Semua kategori umur menggunakan DMS dalam domain tidak formal dan BTS dalam domain yang formal. Terdapat peralihan bahasa dalam domain kekeluargaan dan domain keagamaan yang menjadi domain penting dalam pengekalan sesuatu bahasa ibunda. Justeru itu, perlu ada usaha memelihara dan melestarikan DMS sebagai satu aset negara yang bernilai sejajar dengan polisi kerajaan yang ingin mempelbagaikan bahasa dan budaya negara.

Kata Kunci: Dialek Melayu Satun, pengekalan bahasa, peralihan bahasa, bahasa Thai standard, kemerosotan bahasa.

Language Maintenance and Shift in Satun Malay Dialect: A Correlation between Language Use and Speaker's Age Factor.

Abstract

Language contact between 3 languages in Satun Malay Dialect (DMS) leads to language maintenance and language shift situation. The use of dominant language in domain which native language has to be used indicate that language shift has occur in that community. This article will discuss a correlation between language use and age variable in six domains using domain analysis (Fishman 1972) and Chi-square test. The total of 121 responden of DMS speakers were selected from Che Bilang village, Guar Pasir village and Tammalang village. The data were collected through questionnaire, informal interview and direct observation. The responden is divided into 3 categories: teenager, adult and older. The result clearly shows that there is significant correlation between language use and age variable in family domain and transaction domain. All age categories use DMS in all

informal domains and use BTS in formal domains. Language shift has occurred in family domain and religious domain which are important in maintenance of native language. Therefore, it is a need for preservation and sustaining of DMS as valuable national asset in line with government's policy of diversify of language and culture.

Key word: Malay Satun Dialect, language maintenance, language shift, Thai Standard language, language decline.

1. Pengenalan

Satun terletak lebih kurang 973 kilometer ke selatan Bangkok. Sebelum tahun 1813, Satun adalah salah satu daerah di negeri Kedah Tua (Saiburi) yang dikenali sebagai Setul Mambang Segara atau Mukim Setul dalam bahasa Melayu. Kini, wilayah Satun adalah sebuah wilayah di selatan Thailand, bersempadan dengan negeri Perlis di sebelah selatan. Manakala di sebelah barat Satun pula bersempadan dengan pulau Langkawi di Lautan Andaman. Penduduk Satun terdiri daripada orang Islam iaitu 80% dan mereka adalah dari suku Melayu Kerajaan Kedah Tua. Penduduk Melayu Satun asal bertutur dalam dialek Melayu Satun (DMS) dan mereka adalah penduduk asal di kawasan yang didiami sekarang, yang mana ia merupakan sebahagian daripada penyebaran asal orang Melayu yang meliputi kepulauan Melayu dan bahagian selatan tanah daratan Asia. Ada antara mereka yang masih mempunyai perkaitan kekeluargaan dengan orang Melayu Semenanjung (Asmah 1993).

Terdapat Dua kawasan utama di daerah meuang Satun yang penuturnya masih bertutur dalam dialek Melayu Satun (DMS) sepenuhnya iaitu kawasan pesisiran dan kawasan luar bandar. Kawasan pesisiran merangkumi mukim Tammalang, mukim Puyu, mukim Che Bilang dan mukim Tanjung Po, manakala kawasan luar bandar meliputi mukim Ban Khuan dan mukim Chalung. Bahasa Melayu yang dituturkan di Thailand dibahagi kepada dua dialek iaitu dialek Melayu Patani (DMP) dan dialek Melayu Satun (DMS). DMP dituturkan di wilayah Pattani, Yala, Narathiwat dan Songkhla, yang mana aspek fonologinya hampir sama dengan dialek Kelantan di Malaysia. Mana kala DMS dituturkan di wilayah Satun yang aspek fonologinya mirip dengan dialek Kedah dan Perlis (Saynee Mardman:1990, Worawit:1999). Penduduk di wilayah Satun, selatan Thailand ini bersifat dwibahasa (*bilingual*) dan multibahasa (*multilingual*). Terdapat 3 bahasa yang dituturkan di sini: i) dialek Thai Selatan (DTS) adalah bahasa regional yang menjadi bahasa majoriti tempatan dan juga bahasa minoriti di Thailand, ii) bahasa Thai Standard (BTS) adalah bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa pendidikan di negara Thailand, dan iii) dialek Melayu Satun (DMS) adalah bahasa minoriti dan bahasa marginal di Thailand yang dituturkan oleh kaum pribumi Melayu Islam Satun. Pertembungan 3 bahasa di kalangan penutur DMS ini telah membawa kepada situasi pengekalan atau peralihan bahasa. Pengekalan bahasa berlaku apabila penuturnya masih kekal bertutur dalam bahasa ibunda dan menurunkan bahasa itu kepada anak-anak dan generasi seterusnya. Peralihan bahasa pula berlaku apabila kumpulan komuniti mengabaikan bahasa etnik sendiri dan pada masa yang sama mengadaptasi bahasa yang dominan dari aspek sosial dan ekonomi (Fishman 1971, Baker-Johns 1998). Proses peralihan bahasa adalah proses yang berterusan, ia berlaku secara perlahan-lahan dari satu generasi ke satu generasi (Fasold 1984). Makalah ini akan memfokus kepada isu peralihan bahasa di kalangan penutur DMS berdasarkan analisis domain (Fishman 1972). Tujuan utama dalam makalah ini adalah untuk melihat hubungan korelasi penggunaan DMS dalam enam domain kajian dengan angkuh umur.

2. Sorotan Literatur

Kajian Norizah & Nor Hisham (2010) melihat penggunaan bahasa dalam masyarakat Melayu Islam di Satun dalam situasi formal dan tidak formal. Kajian mereka mengguna kaedah kualitatif melalui pemerhatian atas responden tempatan di kampung Kelubi, kampung Guar Pasir, kampung Che Bilang dan kampung Tammalang. Mereka mendapati bahasa Melayu dialek Satun (DMS) masih digunakan oleh golongan tua (berumur 50 tahun ke atas) sebagai bahasa pertuturan harian. Namun bagi kanak-kanak kebanyakannya akan bertutur secara dwibahasa, iaitu DMS dan bahasa Thai dalam perhubungan seharian. DMS digunakan dalam domain keagamaan, kekeluargaan dan persahabatan sahaja. Beliau juga mendapati DMS tidak ada nilai ekonomi di Satun kerana DMS tidak digunakan dalam domain jual beli dan domain pentadbiran.

Rahani (2010) pula mengkaji bahasa Melayu Urak Lawoi di kepulauan Andaman, wilayah Satun, yang mana bahasa ini agak berbeza dari DMS. Beliau mendapati ada beberapa faktor yang bersifat formal dan tidak formal yang mempengaruhi pengekaln dan peralihan bahasa Urak Lawoi. Faktor-faktor tersebut adalah faktor sosial, demografi, sosioekonomi dan sosio-politik. Terdapat dua perubahan bahasa berlaku di Pulau Lipe' dan pulau Adang, iaitu dari: i) Dialek asal (dialek Melayu Semenanjung) kepada bahasa Urak Lawoi dan ii) bahasa Urak Lawoi kepada bahasa Thai.

Saynee (1988) dan Mohammad. Fadzeli et.al (2015) membanding bahasa Melayu di dua geografi yang berbeza. Kajian Saynee (1988) melihat tahap kesetiaan terhadap bahasa Melayu di kalangan Melayu- Muslim di Patani dan Satun. Beliau telah mengguna kedua-dua kaedah metodologi kajian iaitu kualitatif dan kuantitatif. Hasil kajian Saynee menunjukkan bahawa tahap pengekaln bahasa dan kesetiaan terhadap bahasa Melayu di kalangan responden Patani lebih kuat berbanding responden Satun, dan data juga menunjukkan berlaku peralihan bahasa kepada bahasa Thai di kalangan responden Satun. Manakala kajian Mohammad. Fadzeli et.al (2015) mengkaji bahasa di sempadan Malaysia-Thailand iaitu di Rantau Panjang dan Pengekaln Kubu, Malaysia dan Sungai Kolok dan Tak Bai di sebelah Thailand. Mereka juga mengguna kedua-dua kaedah metodologi kajian iaitu kualitatif dan kuantitatif. Mohammad Fadzeli et. al. (2015) mendapati bahasa yang dominan di sempadan Malaysia-Thailand adalah dialek Melayu Kelantan (DMK), diikuti dialek Melayu Patani (DMP). Terdapat dua pola penggunaan bahasa dalam kalangan generasi muda di sempadan Thailand. DMP digunakan secara dominan di rumah, mana kala bahasa Thai diguna di luar rumah. Faktor-faktor yang menyebabkan berlaku pengekaln bahasa dalam kalangan komuniti Golok adalah budaya, politik dan bahasa.

Kajian terkini mengenai DMS adalah kajian Nor Hashimah et al.(2019) yang melihat ciri persamaan dan perbezaan antara dialek Satun Langkawi (DSL) dan dialek Satun Thai (DST). Fokus perbincangan mereka adalah aspek fonologi secara umum dan sebaran variannya yang dibantu oleh aplikasi *Geographic Information System* (GIS) untuk menghasilkan peta isoglos yang tepat. Nor Hashimah et al (2019) mendapati bahawa perilaku fonologi yang ketara yang berkongsi bersama oleh kedua-kedua dialek ini melibatkan empat proses fonologi yang berlaku ke atas item leksikal natif, iaitu monosilabikasi, aspirasi, pembentukan nada dan vokal panjang. Walau bagaimanapun, kajian ini adalah kajian dialek yang dibantu oleh teknologi GIS untuk menghasilkan peta penyebaran dialek dengan bersandarkan maklumat linguistik dan bukan linguistik.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian lapangan iaitu data primer dikutip terus daripada responden melalui soal selidik. Soal selidik dibina berdasarkan konsep domain yang disyorkan oleh Fishman (1972). Berdasarkan konsep domain, bahasa yang dipilih oleh individu bergantung pada dengan siapa dia bercakap (interlukator), topik, peranan hubungan, dan tempat (setting). Terdapat enam domain yang digunakan dalam kajian ini, iaitu kekeluargaan, kejiranan, keagamaan, jual-beli, pendidikan dan pekerjaan. Seramai 121 orang responden dari kampung Che Bilang, kampung Guar Pasir dan kampung Tammalang dipilih secara *persampelan bertujuan* (*purposive sampling*) dan *convenience sampling*. Responden dibahagi mengikut tiga kategori umur: remaja (20 tahun ke bawah), dewasa (21-49 tahun), dan warga tua (50 tahun ke atas). Pembahagian ini penting kerana kita dapat melihat pola penggunaan dialek antara generasi dan meramalkan peralihan bahasa itu berlaku di sesuatu tempat (Fishman (1966), Gal (1979), Dorian (1981), Nor Hashimah (2017)). Kajian ini melibatkan kampung Che Bilang di mukim Ce Bilang, kampung Guar Pasir di mukim Ban Khuan dan kampung Tammalang di mukim Tammalang. Ketiga-tiga kampung tersebut dipilih kerana majoriti penduduknya masih bertutur DMS dalam hidupan harian.

Data yang diperolehi dari soal selidik dimasukkan ke dalam program *Statistical Package for Social Science for Windows* (SPSS) versi 21 untuk mendapatkan nilai statistik kekerapan atau peratusan. Ujian Chi-square (χ^2) dijana bagi melihat hubungan korelasi penggunaan bahasa dengan umur responden.

4. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Berdasarkan soal selidik kajian ini mendapati responden terdiri daripada pelbagai latar belakang sama ada dari segi jantina, umur, pekerjaan dan taraf pendidikan. Kesemua ini dapat mempengaruhi penggunaan bahasa DMS. Namun, analisis kajian ini difokuskan kepada faktor umur sahaja. Seramai 121 responden, terdiri daripada 55 orang lelaki dan 66 orang perempuan. Responden remaja seramai 29(23.9%) orang, dewasa 53(43.8%) orang dan warga tua berjumlah 39 (32.2%) orang.

Responden diminta menentukan bahasa apa yang diguna apabila mereka bertutur dalam situasi tertentu mengikut domain. Fishman (1964) menyatakan bahawa komuniti yang bersifat dwibahasa akan memilih satu bahasa untuk set domain tertentu dan memilih bahasa lain bagi set domain yang lain, misalnya menggunakan satu bahasa untuk domain keakraban seperti kekeluargaan, kejiwaan dan persahabatan, dan menggunakan satu bahasa yang lain dalam domain tidak akrab seperti domain jual beli, pendidikan dan pekerjaan.

4.1 Penggunaan DMS dalam domain kekeluargaan mengikut umur

Berdasarkan jadual 1 yang dipaparkan di bawah ini, menunjukkan bahawa dalam domain kekeluargaan, DMS digunakan pada semua tahap umur. Penggunaan DMS dengan ibubapa, atuk dan nenek, adik beradik, pasangan, anak-anak dan saudara-mara oleh semua peringkat umur masih tinggi. Namun, remaja lebih banyak menggunakan dua bahasa DMS + BTS dan DMS + DTS daripada golongan dewasa dan warga tua apabila bercakap dengan semua interlocutor dalam domain ini. Apabila bercakap dengan pasangan, selain DMS golongan dewasa juga menggunakan DTS (3.8%), BTS(3.8%) dan bahasa campuran(3.8%). remaja menggunakan DMS hanya 17.9 peratus berbanding dewasa (79.2 peratus) dan warga tua (87.2 peratus). Penggunaan DMS dengan anak-anak pula, bagi remaja dan dewasa masing-masing 14.3% dan 81.1%. Namun mereka juga menggunakan DMS+BTS dan DTS berbanding warga tua yang masih kekal menggunakan DMS sepenuhnya.

Jadual 1: Penggunaan DMS dalam domain kekeluargaan

Bahasa yang diguna apabila bercakap dengan								
Bil	Interlu kator	Umur	DMS	DTS	BTS	DMS+ DTS	DMS + BTS	P-value
1	Ibubapa	Remaja	19	0	0	3	6	.024
		%	67.9	0	0	10.7	21.4	
		Dewasa	46	0	0	4	2	
		%	86.8	0	0	7.5	3.8	
2	Atuk dan nenek	Tua	36	0	2	0	1	.749
		%	92.3	0	5.1	0	2.6	
		Remaja	22	1	0	2	3	
		%	78.6	3.6	0	7.1	10.7	
3	Adik- beradik	Dewasa	50	0	0	0	2	.097
		%	94.3	0	0	0	3.8	
		Tua	37	0	1	0	1	
		%	94.9	0	2.6	0	2.6	
4	Pasangan	Remaja	19	1	1	2	5	.000
		%	67.9	3.6	3.6	7.1	17.9	
		Dewasa	47	0	1	3	2	
		%	88.7	0	1.9	5.7	3.8	
		Tua	36	0	1	0	1	
		%	92.3	0	2.6	0	2.6	

		Dewasa	42	2	2	1	1	
		%	79.2	3.8	3.8	1.9	1.9	
		Tua	34	0	2	0	0	
		%	87.2	0	5.1	0	0	
5	Anak-anak	Remaja	4	1	0	0	1	.000
		%	14.3	3.6	0	0	3.6	
		Dewasa	43	0	0	1	5	
		%	81.1	0	0	1.9	9.4	
		Tua	37	0	0	0	0	
		%	94.9	0	0	0	0	
6	Saudara-mara	Remaja	18	2	0	0	4	
		%	64.3	7.1	0	0	14.3	.243
		Dewasa	45	0	0	1	2	
		%	84.9	0	0	1.9	3.8	
		Tua	35	0	0	0	1	
		%	89.7	0	0	0	2.6	

*Signifikan pada aras keertian .05

DMS = Dialek Melayu Satun. DTS = Dialek Thai Selatan. BTS= Bahasa Thai Standard.

Keputusan ujian Chi-Square yang dipaparkan dalam jadual 1 di atas, menunjukkan hubungan yang sangat signifikan dalam penggunaan DMS dengan tahap umur responden apabila bertutur dengan Ibubapa χ^2 (1, N=121) =72.15, $p < 0.05$, $p = .024$), pasangan χ^2 (1, N=121) =72.15, $p < 0.05$, $p = .000$), dan dengan anak-anak χ^2 (1, N=121) =83.74, $p < 0.05$, $p = .000$). Ini bermaksud bahawa ada perbezaan penggunaan bahasa DMS antara penutur remaja, dewasa dan warga tua apabila mereka bercakap dengan ibubapa, pasangan dan anak-anak. Remaja dan dewasa mula menggunakan dua bahasa (DMS+BTS atau DMS+DTS) atau lebih, manakala warga tua pula hanya mengguna DMS sahaja.

4.2 Penggunaan DMS dalam domain kejiaran mengikut umur

Bahasa utama yang diguna dengan jiran orang Thai oleh semua kategori umur adalah BTS diikuti dengan DTS. Jadual 2 di bawah menunjukkan bahawa remaja memilih BTS (53%) diikuti dengan DTS(21.43%) dan DMS+BTS (17.9%) dan tidak mengguna DMS sepenuhnya dengan jiran Thai. Dewasa mengguna BTS (56.6%), DTS (18.9%), DMS+BTS (9.4%) dan ada yang mengguna DMS sepenuhnya (5.7%). Manakala warga tua pula mengguna BTS(41%) diikuti DMS+BTS (20.5%), DTS (18.9%) dan DMS sepenuhnya (10.3%). Penggunaan DMS sepenuhnya dengan jiran orang Thai di kalangan penutur dewasa (5.7%) dan tua (10.3%) ini memperlihatkan bahawa orang Thai tempatan ada yang boleh berbahasa dan faham DMS. Bahasa yang dituturkan dengan jiran Melayu pula masih mengguna DMS sebagai bahasa utama, remaja (75%), dewasa (83%) dan warga tua (82.1%). Namun terdapat penggunaan dua bahasa iaitu DMS + BTS, dan DMS + DTS pada semua peringkat umur. Ia menunjukkan bahawa penutur DMS berdwibahasa dan mengguna BTS dan DTS walau pun sesama mereka.

Berdasarkan jadual 2 seperti yang dipaparkan di bawah, keputusan ujian Chi-Square yang diperoleh jelas menunjukkan nilai signifikan yang dicerap lebih daripada 0.05 ($p = .301$, $p = .562 > .05$). Ini bermaksud bahawa tiada perbezaan dalam penggunaan bahasa DMS yang signifikan antara remaja, dewasa dan warga tua dalam domain kejiaran.

Jadual 2: Penggunaan DMS dalam domain kejiiranan.

Bahasa yang diguna apabila bercakap dengan									
Bil	Interlu kator	Umur	DMS	DTS	BTS	DMS + DTS	DMS+ BTS	DTS+ BTS	P- value
1	Jiran orang Thai	Remaja	0	6	15	0	5	2	.301
		%	0	21.43	53.6	0	17.9	7.1	
		Dewasa	3	10	30	0	5	4	
		%	5.7	18.9	56.6	0	9.4	7.5	
		Tua	4	6	16	2	8	0	
		%	10.3	15.4	41.0	5.1	20.5	0	
2	Jiran orang Melayu	Remaja	21	1	0	2	4	0	.562
		%	75	3.6	0	7.1	14.3	0	
		Dewasa	44	0	0	3	5	1	
		%	83	0	0	5.7	9.5	1.9	
		Tua	32	0	0	1	5	0	
		%	82.1	0	0	2.6	12.8	0	

*Signifikan pada aras keertian .05

DMS = Dialek Melayu Satun. DTS = Dialek Thai Selatan. BTS= Bahasa Thai Standard.

4.3 Penggunaan DMS dalam domain keagamaan mengikut umur

Data dalam jadual 3 di bawah, menunjukkan bahawa penutur DMS semua peringkat umur masih mengekalkan DMS dalam domain keagamaan. Mereka menggunakan DMS sama ada dalam memberi ceramah umum (56.2%), soal-jawab agama di Masjid (61.2%), memberi arahan mengaji Al-Quran dan kitab (65.3%) dan yang penting sekali dalam membaca Doa (berdoa) (71.1%). Walau bagaimanapun, data juga menunjukkan bahawa semua peringkat umur penutur menggunakan dua bahasa iaitu DMS+ BTS dan DMS+DTS dalam domain ini. Remaja mula menggunakan BTS dan juga DTS sahaja dalam membaca Doa (berdoa) iaitu masing-masing 10.7%.

Keputusan ujian Chi-Square yang diperoleh jelas menunjukkan nilai signifikan yang dicerap lebih daripada 0.05 ($p=.620$, $p=.627$, $p=.661$, $p=.108 > .05$). Ini bermaksud bahawa tiada perbezaan dalam pemilihan bahasa DMS yang signifikan antara remaja, dewasa dan warga tua dalam domain tersebut. Pada perkataan lain, bahasa yang digunakan dalam domain ini tidak bergantung kepada tahap umur responden.

Jadual 3 : Penggunaan DMS dalam domain keagamaan

Bahasa yang diguna apabila									
Bil	Perkara	Umur	DMS	DTS	BTS	DMS+ DTS	DMS +BTS	Missin g	P-value
1	Memberi ceramah umum	Remaja	14	2	1	2	7	3	.620
		%	50	7.1	3.6	7.1	25	10.7	
		Dewasa	27	1	0	5	18	2	
		%	50.9	1.9	0	9.4	34	3.8	
		Tua	26	0	0	5	8	0	
		%	66.7	0	0	12.8	20.5	0	
2	Soal – jawab agama di masjid	Remaja	20	1	1	1	5	0	.627
		%	71.4	3.6	3.6	3.6	17.9	0	
		Dewasa	27	1	0	4	19	2	
		%	50.9	1.9	0	7.5	35.8	3.8	
		Tua	26	0	0	4	9	0	
		%	66.7	0	0	10.3	23	0	

3	Arahan mengaji Al-Quran dan kitab	Remaja	19	1	1	0	7	0	.661
		%	67.9	3.6	3.6	0	25	0	
		Dewasa	28	1	1	3	18	2	
		%	52.8	1.9	1.9	5.7	34	3.8	
		Tua	31	0	0	1	7	0	
4	Membaca Doa	%	79.5	0	0	2.6	17.9	0	.108
		Remaja	17	3	3	0	5	1	
		%	60.7	10.7	10.7	0	17.9	3.2	
		Dewasa	34	1	0	2	12	0	
		%	64.1	1.9	0	3.8	22.6	0	
		Tua	34	0	0	1	4	0	
		%	87.2	0	0	2.6	10.3	0	

*Signifikan pada aras keertian .05

DMS = Dialek Melayu Satun. DTS = Dialek Thai Selatan. BTS= Bahasa Thai Standard.

4.4 Penggunaan DMS dalam domain jual -beli mengikut umur

Bahasa utama yang diguna dengan pelanggan orang Thai oleh semua kategori umur adalah BTS diikuti dengan DTS, DMS, DMS+BTS dan DMS+ DTS. Jadual 3 di bawah menunjukkan bahawa remaja memilih BTS (42.9%) diikuti dengan DTS(17.9%), DMS+DTS (3.9%) dan DMS+BTS (3.9%). Dewasa mengguna BTS(37.7%) diikuti dengan DMS (22.9%), DTS (17%), DMS+BTS (9.5%) dan DMS+DTS (1.9%). Manakala warga tua pula mengguna BTS (33.3%) diikuti DTS (25.6%), DMS+BTS (18%) dan DMS (15.4%). Bahasa yang dituturkan dengan pelanggan Melayu pula masih mengguna DMS sebagai bahasa utama, remaja (57.1%), dewasa (75.5%) dan warga tua (87.2%). Namun terdapat juga penggunaan dua bahasa iaitu DMS + BTS, dan DMS + DTS pada semua peringkat umur.

Keputusan ujian Chi-Square yang dipaparkan dalam jadual 4 di bawah, menunjukkan hubungan yang signifikan antara peringkat umur dan penggunaan bahasa responden dengan pelanggan dari luar χ^2 (1, N=121) =42.65, $p < 0.05$, $p = .028$), rakan penjual χ^2 (1, N=121) =51.34, $p < 0.05$, $p = .001$), dan pengedar barangan χ^2 (1, N=121) =33.04, $p < 0.05$, $p = .046$). Ini bermaksud bahawa penggunaan bahasa DMS ada perbezaan antara penutur remaja, dewasa dan warga tua apabila mereka bercakap dengan pelanggan dari luar, rakan penjual dan pengedar barangan. Remaja lebih menggunakan BTS dan DMS+BTS, manakala golongan dewasa dan warga tua menggunakan dua bahasa DMS+BTS atau DMS+DTS dan DMS. Tiada hubungan yang signifikan antara peringkat umur dalam penggunaan DMS dengan pelanggan orang Thai dan pelanggan orang Melayu.

Jadual 4: Penggunaan DMS dalam domain jual beli.

Bahasa yang diguna apabila bercakap dengan									
Bil	Interluka tor	Umur	DMS	DTS	BTS	DMS + DTS	DMS + BTS	DTS + BTS	P-value
1	Pelanggan orang Thai tempatan	Remaja	0	5	12	1	1	0	.097
		%	0	17.9	42.9	3.6	3.6	0	
		Dewasa	12	9	20	1	5	1	
		%	22.6	17	37.7	1.9	9.5	1.9	
		Tua	6	10	13	2	7	0	
2	Pelanggan orang Melayu	%	15.4	25.6	33.3	5.1	18	0	.095
		Remaja	16	1	0	1	1	0	
		%	57.1	3.6	0	3.6	3.6	0	
		Dewasa	40	1	0	2	5	0	
		%	75.5	1.9	0	3.8	9.5	0	
3	Pelanggan	Tua	34	0	0	1	3	0	
		%	87.2	0	0	2.6	7.7	0	
		Remaja	2	2	6	0	4	0	

	dari luar	%	7.14	7.14	21.4	0	14.3	0	.028
		Dewasa	13	2	7	4	17	1	
		%	24.5	3.8	13.2	7.5	32	1.9	
		Tua	14	2	7	5	9	0	
		%	26.4	5.1	17.9	12.8	23	0	
4	Rakan penjual	Remaja	8	3	0	1	6	0	.001
		%	28.6	10.7	0	3.6	21.4	0	
		Dewasa	26	2	1	2	17	0	
		%	49	3.8	1.9	3.8	32		
		Tua	24	0	5	2	0	0	
		%	61.5	0	12.8	5.1	0	0	
5	Pengedar barangan	Remaja	3	4	0	2	9	0	
		%	10.7	14.3	0	7.14	32.1	0	.046
		Dewasa	16	5	4	5	17	0	
		%	30.2	9.4	7.5	9.4	32	0	
		Tua	14	6	4	2	12	0	
		%	26.4	15.4	10.3	5.1	30.8	0	

*Signifikan pada aras keertian .05

DMS = Dialek Melayu Satun. DTS = Dialek Thai Selatan. BTS= Bahasa Thai Standard.

4.5 Penggunaan DMS dalam Domain pendidikan mengikut umur

Dalam domain pendidikan juga data menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara umur dan penggunaan bahasa DMS apabila bercakap dengan cikgu. Terdapat golongan tua dan dewasa yang mengguna DMS secara sepenuhnya dengan cikgu, manakala remaja, tidak mengguna DMS sepenuhnya.

Responden semua peringkat umur kebanyakan mengguna BTS dengan cikgu dan kawan Thai. Manakala dengan kawan Melayu dan di dalam kelas majoriti masih mengguna DMS diikuti dengan DMS+BTS dan BTS. Berdasarkan jadual 5 seperti yang dipaparkan di bawah, menunjukkan hubungan yang signifikan antara umur dengan penggunaan DMS apabila responden bercakap dengan cikgu χ^2 (1, N=121) =42.65, $p < 0.05$, $p = .043$). Namun, keputusan ujian Chi-Square yang diperoleh dalam sub domain yang lain menunjukkan nilai signifikan yang dicerap lebih daripada 0.05 ($p = .153$, $p = .098$, $.364 > .05$). Ini bermaksud bahawa tiada perbezaan yang signifikan antara umur penutur dengan pemilihan bahasa DMS yang diguna dengan kawan Thai, kawan Melayu dan di dalam kelas.

Jadual 5: Penggunaan DMS dalam domain pendidikan

Bahasa yang diguna apabila bercakap dengan									
Bil	Interluka tor	Umur	DMS	DTS	BTS	DMS+ DTS	DMS +BTS	Missi ng	P-value
1	Cikgu	Remaja	0	5	12	0	9	2	.043
		%	0	17.9	42.9	0	32.1	7.1	
		Dewasa	5	6	25	1	13	3	
		%	9.4	11.3	47.2	1.9	24.5	5.7	
		Tua	7	4	8	2	7	11	
		%	17.9	10.3	20.5	5.1	17.9	28.2	
2	Kawan Thai	Remaja	0	6	15	1	4	2	.153
		%	0	21.4	53.6	3.6	14.3	7.1	
		Dewasa	0	9	30	4	7	3	
		%	0	17	56.6	7.5	13.2	5.7	
		Tua	1	6	15	2	3	12	
		%	2.6	15.4	38.5	5.1	7.7	30.8	

3	Kawan Melayu	Remaja	19	2	2	0	4	1	.098
		%	67.9	7.1	7.1	0	14.3	3.6	
		Dewasa	41	0	4	2	3	3	
		%	77.4	0	7.5	3.8	5.7	5.7	
		Tua	25	0	0	1	3	10	
		%	64.1	0	0	2.6	7.7	25.6	
4	Dalam kelas	Remaja	9	3	5	1	9	1	.364
		%	32.1	10.7	17.9	3.6	32.1	3.6	
		Dewasa	25	2	5	3	15	3	
		%	47.2	3.8	9.4	5.7	28.3	5.7	
		Tua	16	1	2	2	6	11	
		%	41	2.6	5.1	5.1	15.4	28.2	

*Signifikan pada aras keertian .05

DMS = Dialek Melayu Satun. DTS = Dialek Thai Selatan. BTS= Bahasa Thai Standard.

4.6 Penggunaan DMS dalam domain pekerjaan mengikut umur

Dalam domain ini kebanyakan responden menggunakan BTS sahaja diikuti dengan kegunaan bahasa campuran DMS dengan BTS atau DTS. Remaja lebih menggunakan BTS diikuti dengan DTS, DMS dan DMS+BTS. Dewasa dan warga tua banyak menggunakan DMS dengan rakan sekerja (tidak formal) dan dengan pekerja. Ini kerana golongan dewasa dan warga tua ini biasa bekerja sendiri seperti petani, pekebun dan nelayan, oleh itu mereka tidak perlu bertutur BTS kerana rakan sekerja juga dari kampung yang sama bertutur DMS. Penggunaan DMS+BTS juga menunjukkan peratusan yang tinggi pada setiap lawan tutur. Jika lihat warga tua, majoriti mereka masih mengekalkan DMS sepenuhnya, manakala remaja dan dewasa banyak mengguna BTS dan DTS secara sepenuhnya.

Jadual 6: Penggunaan DMS dalam domain pekerjaan

Bahasa yang diguna apabila bercakap dengan									
Bil	Interluka tor	Umur	DMS	DTS	BTS	DMS + DTS	DMS +BTS	Tidak berke naan	P-value
1	Rakan sekerja (formal)	Remaja	2	5	6	2	5	8	.264
		%	7.1	17.9	21.4	7.1	17.9	28.6	
		Dewasa	15	4	16	4	8	6	
		%	28.3	7.5	30.2	7.	15.1	11.3	
		Tua	15	5	3	0	3	10	
		%	38.5	12.8	7.7	0	7.7	25.6	
2	Rakan sekerja (tidak formal)	Remaja	8	4	4	0	4	8	.085
		%	28.6	14.3	14.3	0	14.3	28.6	
		Dewasa	21	4	1	6	15	6	
		%	39.6	7.5	1.9	11.3	28.3	11.3	
		Tua	19	1	1	0	7	11	
		%	48.7	2.6	2.6	0	17.9	28.2	
3	Ketua/ majikan	Remaja	3	5	6	2	4	8	.299
		%	10.7	17.9	21.4	7.1	14.3	28.6	
		Dewasa	11	5	9	7	15	6	
		%	20.7	9.4	17	13.2	28.3	11.3	
		Tua	12	4	1	1	10	11	
		%	30.8	10.2	2.6	2.6	25.6	28.6	
4	Pekarja	Remaja	6	5	5	0	4	8	.180
		%	21.4	17.9	17.9	0	14.3	28.6	
		Dewasa	13	4	4	7	19	6	
		%	24.5	7.5	7.5	13.2	35.8	11.3	

Tua	14	4	2	0	8	11
%	35.9	10.3	5.2	0	20.5	28.6

*Signifikan pada aras keertian .05

DMS = Dialek Melayu Satun. DTS = Dialek Thai Selatan. BTS= Bahasa Thai Standard.

Berdasarkan jadual 6 seperti yang dipaparkan di atas keputusan ujian Chi-Square yang diperoleh jelas menunjukkan nilai signifikan yang dicerap lebih daripada 0.05 ($p=.264$, $p=.085$, $p=.299$, $p=.180 > .05$). Ini bermaksud bahawa tiada perbezaan penggunaan DMS yang signifikan antara remaja, dewasa dan warga tua dalam domain pekerjaan ini.

Semua data kajian yang diproses, jelas menunjukkan berlaku peralihan bahasa, terutamanya, dalam domain kekeluargaan dan domain keagamaan yang menjadi domain penting dalam mengekalkan sesuatu bahasa. Remaja dan Dewasa banyak menggunakan dua bahasa (DMS+BTS dan DMS+DTS) dalam semua domain berbanding dengan warga tua yang banyak menggunakan DMS sepenuhnya. Kajian lepas menunjukkan umur adalah angkubah sosial yang penting dalam pengekalan dan peralihan sesuatu bahasa dan domain kekeluargaan merupakan tempat yang paling penting dalam mengekalkan penggunaan bahasa ibunda (Fishman, 1991; Pauwel, 2005).

Dapatan kajian ini juga menunjukkan berlaku peralihan bahasa dalam domain keagamaan. Penutur DMS mula menggunakan dua bahasa campuran iaitu sama ada DMS dengan BTS atau DMS dengan DTS. Ini bermakna domain keagamaan sebelum ini memainkan peranan penting dalam mengekalkan DMS, kini telah merosot. Mereka telah beralih kepada bahasa Thai tetapi tidak secara sepenuhnya. Remaja dan dewasa mula beralih kepada BTS dan DTS dalam memberi ceramah agama, soal-jawab agama di masjid dan dalam bacaan doa. Fasold (2008) mengatakan jika domain keagamaan yang sebelum ini dijalankan dalam satu bahasa iaitu bahasa minoriti, mula dijalankan dalam dua bahasa, maka peralihan bahasa sedang berlaku. Ia berlaku hampir sempurna, apabila aktiviti agama itu dijalankan dalam bahasa yang baharu sepenuhnya. Sudah tentu, peringkat akhir sekali berlaku peralihan bahasa secara sempurna, apabila Ibubapa yang berdwibahasa menurunkan hanya satu bahasa yang baharu sahaja kepada anaknya.

5. Kesimpulan

Kajian ini melihat pengekalan dan peralihan bahasa DMS berdasarkan angkubah umur. Berdasarkan proses penganalisa data kajian yang telah dilakukan, dapatlah dirumuskan di sini bahawa ada hubungan yang signifikan dalam penggunaan DMS antara remaja, dewasa dan warga tua dalam domain kekeluargaan, jual beli dan pendidikan. Manakala dalam domain kejurangan, keagamaan dan pekerjaan, walau pun data memperlihatkan bahawa ada perbezaan dalam penggunaan DMS antara kategori umur penutur, tetapi sebaliknya ujian Chi-Square menunjukkan perbezaan tersebut sebagai tidak signifikan.

Bahasa yang diguna dalam hubungan dalam komuniti (*intra-group*) amat penting berbanding bahasa yang diguna di luar komuniti (*inter-group*). Ini kerana ia menunjukkan bahawa bahasa itu masih kekal atau berlaku peralihan dalam sesebuah komuniti. Dapatan kajian ini menunjukkan DMS masih menjadi bahasa utama dalam komunikasi dalam setiap domain. Walau bagaimanapun, berlaku juga peralihan bahasa dari DMS ke BTS dan DTS yang menjadi bahasa dominan. Komuniti penutur DMS mula menggunakan BTS dan DTS di kalangan mereka sendiri dalam semua domain tetapi tidak sepenuhnya. Fenomena ini jelas dilihat berlaku peralihan bahasa dalam komuniti tersebut.

Rujukan

- Asmah Haji Omar. 1993. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Ed. 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Baker, C dan S.P.Jones. 1998. *Encyclopedia of bilingualism and bilingual education*. Clevedon: Multilingual Matters.

- Dorian, Nancy. 1981. *Language Death: The Life Cycle of Scottish Gaelic Dialect*. Philadelphia: University Penn. Press.
- Fasold, Ralph W. 1984. *The Sociolinguistics of Society*. Oxford: Basil Blackwell.
- Fasold, Ralph W. 2008. Language Maintenance and Language Shift. *Encyclopaedia of the Linguistics Sciences: Issues and Theories*. V. Prakasam (Ed.). pp 412-417. New Delhi: Allied Publishers Private Limited.
- Fishman, J. A. 1972. The relationship between Micro-and Macro-Sociolinguistics in the Study of Who Speaks What Language to Whom and When. In A.S. Dil (Ed.), *Language in Sociocultural Change*: 244-267. CA: Stanford University Press.
- Fishman, J. A. 1971. *The sociology of language*. Rowley, MA: Newbury House.
- Fishman, J. A. 1966. *Language contact in the United States*. The Hague: Moutan.
- Gal, Susan. 1979. *Language shift: Social determinants of linguistic change in bilingual Austria*. New York: Academic Press.
- Fishman, J. A. 1964. Language maintenance and language shift as a field of inquiry. A definition of the field and suggestions for its further development. *Linguistics*, Vol.2 (9), pp 32-70. Dicapai pada 20 September 2018. Daripada <https://www.deepdyve.com/lp/de-gruyter/language-maintenance-and-language-shift-as-a-field-of-inquiry/-a-xOHI01nySc>.
- Fishman, J. A. 1991. *Reversing language shift. Theoretical and Empirical Foundations of Assistance to Threatened Languages*. Clevedon, UK: Multilingual Matters.
- Mohammad Fadzeli Jaafar, Norsimah Mat Awal, Mohammed Azlan Mis & Hayati Lateh . 2015. Bahasa sempadan Malaysia-Thailand: Pengekalan VS Peralihan Bahasa. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol 5(1). pp 1-9.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2017. Penyebaran dialek Melayu di Langkawi. Analisis Geolinguistik. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Vol. 17(4):159-178.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Adriana Santa Tinggom, Siti Noraini Hamzah & Hayati Lateh. 2019. Penyebaran Dialek Melayu Satun di Langkawi dan di Thai: Satu Kajian Perbandingan Berasaskan Geographic Information System (GIS). *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Vol.19 (1): 77-96.
- Norizah Ardi & Nor Hisham Osman. 2010. Pemeliharaan Bahasa Ibunda dalam masyarakat Islam di Satun, Thailand. Dicapai 29 September 2015, daripada <http://repository.um.edu.my/id/eprint/83097>
- Potowski, K. 2013. Language maintenance and shift. Dlm R. Baylay, R. Cameron & C. Lucus (Eds.). *The Oxford handbook of sociolinguistics*: 321-339. Oxford, New York: Oxford University Press.
- Rohani Mohd Yusof. 2010. Situasi bahasa Urak Lawoi di Pulau Adang, Thailand. kertas kerja dalam Konferensi International Masyarakat Linguistik Indonesia (KIMLI) 2009, 5-7 November. Dicapai 17 November 2014, daripada <http://sastra.um.ac.id/wp-content/uploads/2010/01/076-Rohani-Univ.-Malaya-Situasi-Bahasa-Urak-Lawoi-di-Pulau-Adang-Thailand.pdf>
- Saynee Mardman. 1990. Persoalan kesetiaan bahasa di kalangan orang Melayu-Muslim di Selatan Thailand. *Dewan Bahasa*. Vol. 43(12): 935-936.
- Worawit Baru. 1999. Dasar kerajaan dan kesannya terhadap bahasa Melayu di negara Thai. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Malaya. Kuala Lumpur, Malaysia.

Biodata penulis:

Hayati Lateh adalah calon PhD. di program Linguistik, pusat penyelidikan bahasa dan literasi.FSSK, UKM

Nor Hashimah Jalaluddin (PhD) adalah Profesor di program Linguistik, FSSK, UKM. Beliau banyak mengkaji semantik, pragmatik dan kini giat menjalankan kajian geolinguistik dan akal budi Melayu. Beliau banyak menulis buku ilmiah dan artikel jurnal berimpak berdasarkan penyelidikan.

Mohammad Fadzeli Jaafar (PhD.) adalah Professor Madya di program Linguistik, FSSK, UKM. Beliau mempunyai kepakaran dalam bidang stailistik dan laras bahasa Beliau juga banyak mengkaji bidang sosiolinguistik.